

# Pencapaian akademik murid desa meningkat

BH 7/7/2011

KOTA MARUDU: Program Komuniti Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Tagibang, di sini baru-baru ini berjaya membantu meningkatkan pencapaian akademik murid di luar bandar.

Program disertai 50 penuntut UMS itu bertujuan membantu murid memahami secara lebih mendalam mengenai subjek yang dipelajari, selain membuka minda mereka mengenai peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ia diketuai Haizul Azhar Badean dengan dibantu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Bahagian Kota Marudu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kesihatan Kota Marudu.

Penyelaras program itu, Dr Khalid Johari berkata, program berkenaan adalah antara perkongsian pintar antara UMS dengan guru

di luar bandar.

"UMS mensasarkan sekolah yang sukar mendapat kemudahan dan maklumat mengenai peluang melanjutkan pelajaran. Penuntut UMS berkampung selama tiga hari di sekolah ini semata-mata untuk membantu memajukan akademik murid," kata-nya.

Walaupun terpaksa melalui jalan tidak berturap, penuntut UMS tetap berjaya tiba di sekolah itu pada jam 6 petang dengan disambut Ketua Kampung, Maruda Gumuru dan penduduk kampung.

Kampung Tagibang dihuni masyarakat etnik Kadazandusun dan Murut, yang dilengkapi bekalan tenaga elektrik, air dan klinik desa.

Aktiviti pada hari pertama dimulakan dengan senamrobik, suai kenal dan rekreasi. Ia disusuli dengan pembentangan kertas cadangan

kajian sukarelawan.

Acara lain ialah permainan catur dan pembentangan kertas cadangan kajian aktiviti bagi meningkatkan daya ingin tahu murid dalam pelbagai bidang.

Bagi sesi bimbingan akademik, aktiviti mempelajari Matematik membantu murid mempelajari kaedah menyelesaikan masalah Matematik secara pantas dan mudah.

Selain itu, pegawai Jabatan Kesihatan turut menyampaikan ceramah mengenai pencegahan penyakit berjangkit dan gaya hidup sihat.

Majlis penutupan dimeriahkan dengan persembahan tarian tradisional masyarakat berkenaan seperti tarian 'mongigol' yang diiringi paluan gong manakala penuntut UMS mempersembahkan tarian poco-poco, 'Manuk-manuk Lambukun' dan tarian 'Daling-daling.'

● FRANCIS ANDIN | BERITA HARIAN



MURID SK Kampung Tagibang, Kota Marudu mengikuti kelas pembelajaran catur yang dikendalikan penuntut UMS.